

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SEBAGAI PROFESIONAL KESIHATAN
DAN ANGGOTA KESIHATAN

**KAMI MENYOKONG,
MELINDUNG DAN
MENG GALAK AMALAN
PENYUSUAN SUSU IBU**


KAMI

TIDAK MENERIMA

- Sampel, cenderahati ataupun bekalan (secara percuma atau pada harga rendah) produk tersenarai dan makanan pelengkap untuk diri sendiri atau edaran kepada wanita hamil, ibu bapa bayi, kanak-kanak kecil serta ahli keluarga mereka.
- Penajaan/insentif (tunai atau barangan) daripada syarikat pengilang dan pengedar produk tersenarai dan makanan pelengkap

Produk tersenarai di bawah skop Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan bermaksud:

Rumusan Bayi (bagi bayi 0-12 bulan termasuk rumusan sedia diminum, Rumusan Susulan (bagi bayi 6 bulan hingga 3 tahun) termasuk rumusan sedia diminum, Rumusan Khas, mana-mana produk lain yang dituju atau dipasarkan bagi pemakanan bayi sehingga 6 bulan, botol susu, puting susu dan puting kosong.



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SEBAGAI PROFESIONAL KESIHATAN DAN ANGGOTA KESIHATAN


KAMI

- i. *Menyokong, melindungi dan menggalak amalan penyusuan susu ibu selama 6 bulan selepas kelahiran bayi, dan meneruskan penyusuan susu ibu sehingga 2 tahun, di samping memberi makanan pelengkap.*
- ii. *Akur dan mematuhi Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan dalam semua hubungan dengan pengilang dan pengedar produk tersenarai dan makanan pelengkap.*
- iii. *Hanya menerima maklumat saintifik yang telah ditapis berkaitan produk tersenarai.*

Produk tersenarai di bawah skop Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan bermaksud :

Rumusan bayi (bagi bayi 0-12 bulan termasuk rumusan sedia diminum, Rumusan Susulan (bagi bayi 6 bulan hingga 3 tahun) termasuk rumusan sedia diminum, Rumusan Khas, mana-mana produk lain yang dituju atau dipasarkan bagi pemakanan bayi sehingga 6 bulan, botol susu, puting susu dan puting kosong.





KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Sebagai profesional kesihatan dan anggota kesihatan,
kami menyokong, melindungi dan menggalak
amalan penyusuan susu ibu

KAMI TIDAK MEMBENARKAN

- i. Promosi secara langsung atau tidak langsung produk tersenarai dan makanan pelengkap dilakukan di fasiliti ini.
- ii. Pembelian produk tersenarai dan makanan pelengkap dilakukan pada harga di bawah 80% harga pasaran.
- iii. Hubungan antara wakil syarikat dengan wanita hamil, ibu bapa bayi dan kanak-kanak kecil serta ahli keluarga mereka bagi tujuan mempromosikan produk tersenarai dan makanan pelengkap.
- iv. Penglibatan profesional kesihatan dan anggota kesihatan dalam mana-mana aktiviti promosi produk tersenarai.

Produk tersenarai di bawah skop Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan bermaksud :

Rumusan bayi (bagi bayi 0-12 bulan termasuk rumusan sedia diminum, Rumusan Susulan (bagi bayi 6 bulan hingga 3 tahun) termasuk rumusan sedia diminum, Rumusan Khas, mana-mana produk lain yang dituju atau dipasarkan bagi pemakanan bayi sehingga 6 bulan, botol susu, puting susu dan puting kosong.